



## JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,  
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: 100-4/10 JLD.4 ( )

Tarikh : 03 April 2020

Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil  
Semua Bendahari Daerah

### PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BILANGAN 3 TAHUN 2020 PENANGGUHAN SEMENTARA POTONGAN GAJI BAGI TUJUAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PERUMAHAN DAN PINJAMAN PERIBADI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI (APAN), ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI DEWAN UNDANGAN (APDUN) NEGERI SERTA PENCEN MANTAN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI DEWAN UNDANGAN (APDUN).

#### 1. TUJUAN

Tujuan surat pekeliling ini adalah untuk memaklumkan pelaksanaan penangguhan sementara potongan gaji bagi tujuan bayaran balik pinjaman Anggota Perkhidmatan Awam Negeri (APAN) Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (APDUN) serta Mantan Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (APDUN) selaras dengan pengumuman Y.A.B Perdana Menteri dan Bank Negara Malaysia (BNM) pada 25 Mac 2020 berkenaan penangguhan semua bayaran pinjaman daripada institusi kewangan bermula 1 April 2020 sehingga 30 September 2020.

Kerajaan Negeri Sabah telah membuat keputusan bahawa semua pembayaran balik pinjaman APAN, APDUN dan mantan APDUN adalah seperti dalam Perenggan 2 dan 3.

#### 2. PELAKSANAAN DAN KAEDAH PENANGGUHAN POTONGAN GAJI

2.1 Penangguhan potongan gaji bagi pinjaman di bawah *Perbadanan Pinjaman Sabah, Borneo Housing Mortgage Finance Berhad, Borneo Development Corporation Sdn Bhd, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) serta pinjaman peribadi kakitangan awam, pendahuluan kenderaan dan pinjaman mikrokomputer* akan diberhentikan secara automatik melalui Sistem Gaji Pusat (SGP).



**2.2** Kod potongan pinjaman yang ditangguhkan/diubah adalah seperti dalam **Lampiran A**.

**2.3** Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri (APAN) yang berhasrat untuk meneruskan pembayaran pinjaman masing-masing hendaklah membuat permohonan kepada Jabatan Bendahari Negeri sebelum atau pada **09 April 2020** atau penama boleh membuat pembayaran sendiri ke agensi berkenaan. Permohonan boleh dibuat melalui surat rasmi atau emel kepada Ketua Penolong Bendahari Negeri, Bahagian Operasi Pusat melalui emel [James.Gulongan@sabah.gov.my](mailto:James.Gulongan@sabah.gov.my) atau kepada Akauntan, Seksyen Saraan melalui [Zainulariffin.Yusof@sabah.gov.my](mailto:Zainulariffin.Yusof@sabah.gov.my).

**2.4 Potongan gaji melalui ANGKASA**

**2.4.1** Potongan pembayaran melalui ANGKASA, penangguhan ini terlibat hanya kepada 4 bank sahaja iaitu **Bank Rakyat, Bank Simpanan Nasional, AgroBank dan MBSB Bank**. Walaubagaimanapun, pembiayaan pembayaran kepada Koperasi dan Syarikat Insurans tidak tertakluk kepada arahan ini. Amaun perubahan bagi bulan **April 2020, Mei 2020 dan Oktober 2020** akan dibuat secara automatik dalam Sistem Gaji Pusat (SGP) dengan bantuan pihak Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN) berdasarkan data yang diperolehi daripada pihak ANGKASA. Pihak JPKN akan mengemukakan laporan dan akan diagihkan ke Jabatan masing-masing

**2.4.2** Penyata Potongan ANGKASA bagi bulan **April 2020** telah diedarkan oleh pihak ANGKASA kepada majikan masing-masing. Oleh itu, pihak majikan adalah bertanggungjawab untuk menyemak penyata potongan dengan laporan yang telah dikeluarkan oleh pihak JPKN dan diperbetulkan melalui input di dalam Sistem E-Pay A3 sekiranya terdapat perbezaan amaun yang telah dilaksanakan secara automatik.

**2.4.3** Perubahan amaun potongan pinjaman ANGKASA bagi gaji bulan **Jun 2020 sehingga September 2020**, Jabatan hendaklah membuat perubahan melalui input di dalam Sistem E-Pay A3 berdasarkan penyata potongan yang dihantar oleh pihak ANGKASA. Pihak JBNS tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat Jabatan yang tidak mengambil tindakan yang sewajarnya.

**2.4.4** Bagi penama yang ingin meneruskan pembayaran dalam tempoh penangguhan ini, penama hendaklah berurusan terus dengan pihak bank yang berkenaan.

### **3. TEMPOH KUATKUASA**

3.1.1 Penangguhan sementara bayaran balik pinjaman di bawah Perbadanan Pinjaman Sabah adalah untuk tempoh mulai gaji bulan **April 2020 sehingga Jun 2020 sahaja**.

3.1.1 Bermula gaji bulan Julai 2020, pihak JPKN akan mengaktifkan semula kod potongan seperti yang di atas dan pihak Jabatan adalah bertanggungjawab untuk membuat pelarasan terhadap perubahan amaun dan tempoh bayaran balik pinjaman (jika ada).

3.2 Penangguhan bagi potongan gaji di bawah ***Borneo Housing Mortgage Finance Berhad, Borneo Development Corporation Sdn Bhd, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) serta pinjaman peribadi kakitangan awam, pendahuluan kenderaan dan pinjaman mikrokomputer*** bermula gaji bulan ***April 2020 sehingga September 2020***.

3.2.1 Bermula gaji bulan Oktober 2020, pihak JPKN akan mengaktifkan semula kod potongan seperti yang di atas dan pihak Jabatan adalah bertanggungjawab untuk membuat pelarasan terhadap perubahan amaun dan tempoh bayaran balik pinjaman (jika ada).

### **4. PENUTUP**

Sekiranya terdapat kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Ketua Penolong Bendahari Negeri, Bahagian Operasi Pusat melalui telefon 088 - 368366 atau Akauntan Seksyen Saraan melalui telefon 088 - 368516.

Sekian dan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”

“PROFESIONALISME, MESRA DAN PROGRESIF”



(RUSDIN BIN RIMAN C.A.(M), FCPA(A), CPFA(UK), MBA)  
Bendahari Negeri

- s.k Pengarah  
Jabatan Kerja Raya  
Jalan Sembulan  
**88592 KOTA KINABALU**  
(u.p: Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Akaun)
- s.k Pengarah  
Jabatan Pertanian  
Wisma Pertanian  
**88632 KOTA KINABALU**  
(u.p: Ketua Akauntan)
- s.k Pengarah  
Jabatan Tanah dan Ukur  
Wisma Tanah dan Ukur  
**88576 KOTA KINABALU**  
(u.p: Ketua Akauntan)
- s.k Ketua Konservator Hutan  
Jabatan Perhutanan  
Beg Berkunci 88  
**90009 SANDAKAN**  
(u.p: Ketua Akauntan)
- s.k Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  
Tingkat 6-7, Blok A  
PPNS, Jln Sulaman, Teluk Likas  
**88999 KOTA KINABALU**  
(u.p: Encik David Augustine  
Puan. Norainie Matali  
Cik Elizabeth Tai  
Puan Rafidah Ali Hassan  
Encik Yazid Yuzairie Yunos)

**LAMPIRAN A**

**SENARAI KOD POTONGAN YANG DIUBAH/DIHENTIKAN**

Bil	Potongan Pinjaman	Kod	Catatan
01	Perbadanan Pinjaman Sabah	822,841,847,858,859	Dihentikan bermula gaji April 2020 - Jun 2020
02	Permodalan Bercagar Perumahan Borneo BH	820,821	Dihentikan bermula gaji April 2020 - September 2020
03	Borneo Development Corporation Sdn Bhd	840	Dihentikan bermula gaji April 2020 - September 2020
04	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	861	Dihentikan bermula gaji April 2020 - September 2020
05	Pinjaman Kenderaan Jabatan	700	Dihentikan bermula gaji April 2020 - September 2020
06	Pendahuluan Diri Mikrokomputer	759	Dihentikan bermula gaji April 2020 - September 2020
07	Angkasa	842	Perubahan dibuat secara automatik bagi bulan April 2020, Mei 2020 & Oktober 2020.